

GARIS PANDUAN PENYERTAAN KIK HB UITM 4.0

1. PEMBENTUKAN KUMPULAN

KIK adalah aktiviti berkumpulan yang perlu dibentuk secara rasmi di Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan hendaklah didaftarkan di UiTM bagi melaksanakan KIK berdasarkan dua (2) jenis KIK iaitu KIK Primer dan KIK Hibrid.

Pengurusan KIK di PTJ adalah terdiri daripada:

- Ketua PTJ
- Ketua Unit Kualiti
- Penyelaras KIK
- Fasilitator KIK
- Ketua KIK
- Ahli KIK

1.1 KIK Primer

Ahli KIK Primer dianggotai oleh warga dalam sistem UiTM sama ada berkongsi fungsi dalam jabatan yang sama atau bersilang fungsi dengan jabatan lain di UiTM untuk melaksanakan projek KIK. Warga bermaksud staf pentadbiran atau staf akademik atau gabungan di antara mereka.

Ahli Kumpulan termasuk ketua sekurang-kurangnya 5 orang dan tidak melebihi 10 orang.

1.2 KIK Hibrid

KIK Hibrid dianggotai oleh warga UiTM bersama warga agensi, industri atau komuniti lain yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK dengan Perjanjian Persefahaman atau *Memorandum of Agreement (MoA)* atau *Note of Interest (NoI)* yang ditandatangani oleh Ketua tertinggi agensi yang terlibat.

Ahli Kumpulan termasuk ketua sekurang-kurangnya 5 orang dan tidak melebihi 10 orang.

1.3 Pendaftaran Ahli

Borang Pendaftaran Kumpulan Kreatif & Inovatif UiTM di **Lampiran A** hendaklah digunakan sama ada mendaftarkan kumpulan baru atau mengemaskini butiran ahli atau mendaftarkan semula kumpulan.

Penyelaras perlu mendaftar Ketua dan Ahli di dalam **Sistem Pengurusan Kumpulan Inovatif Kreatif UiTM (SPKIK)** yang boleh dicapai melalui *portalkik.uitm.edu.my*.

Surat kelulusan pembentukan kumpulan yang diluluskan oleh ketua PTJ perlu di muatnaik dalam sistem SPKIK oleh penyelaras.

Ketua KIK akan megemaskini data-data keperluan projek melalui SPKIK.

2. KOMPONEN KIK

Ahli terdiri daripada Ketua KIK, Ahli KIK dan Fasilitator KIK (tidak wajib).

3. PEMILIHAN PROJEK

Pemilihan projek merujuk kepada

- 3.1 Pendekatan pelaksanaan projek, iaitu Projek Penyelesaian Masalah (PPM)
- 3.2 Projek Berasaskan Projek (PBP)

4. PEMILIHAN BIDANG

KIK hendaklah menjuruskan pelaksanaan projek kepada salah satu bidang inovasi iaitu;

- 4.1 Inovasi Sosial
- 4.2 Inovasi Pengurusan
- 4.3 Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

5. KATEGORI INOVASI

Pemilihan bidang inovasi boleh dipilih dalam dua (2) kategori iaitu;

- 5.1 Inovasi Penciptaan
- 5.2 Inovasi Penambahbaikan

6. KAEDAH DAN TEKNIK PEMILIHAN PROJEK

Kaedah dan teknik pemilihan projek adalah berdasarkan seperti berikut:

- 6.1 *Plan, Do, Check, Action (PDCA)*
- 6.2 *Design Thinking (DT)*
- 6.3 *Blue Ocean Strategy (BOS)*

7. ANALISIS PROJEK

Analisis boleh dilaksanakan secara kualitatif dan kuantitatif dalam pengukuran *outcome* dan impak projek.

8. UJICUBA/UJILARI

8.1 Syarat Ujicuba/ujilari

Penciptaan (Inovasi Baharu)

Inovasi P&P adalah tertakluk kepada jenis inovasi dalam tempoh yang bersesuaian bagi ujicuba/ujilari inovasi dalam membuat perbandingan dengan projek terdahulu.

Inovasi Sosial adalah tertakluk kepada jenis inovasi dimana ia merupakan tempoh ujicuba/ujilari perlu dilihat dari pelbagai aspek perbandingan proses sebelum dan selepas. Samada ianya melibatkan kos atau tempoh masa projek ini diselesaikan.

Penambahbaikan

- i. Perlu dilihat inovasi atau proses sedia ada berbanding penambahbaikan yang telah dilakukan.

- ii. Perlu ditekankan tempoh serta keberkesanan bagi setiap inovasi yang digunakan sebelum sebarang penambahbaikan boleh diambilkira. (tempoh dari 6 bulan hingga 1 tahun)
- iii. Turut ditekan kriteria yang disertai. (rujuk syarat Pengurusan / P&P)

Setiap intervensi penambahbaikan dan kesesuaian kebergunaan suatu inovasi perlu dijelaskan mengikut peringkat ujicuba/ujilari sehingga terhasilnya inovasi KIK baharu.

9. PENGHASILAN PROJEK

Penghasilan projek perlu dijelaskan spesifikasinya dan dibangunkan prototaip.

10. PELAPORAN PROJEK

Pelaporan projek KIK HB UiTM 4.0 hendaklah berpandukan kepada Kriteria Penilaian Projek KIK HB UiTM 4.0 di Lampiran C dan Format Laporan Dokumentasi terkini.

11. PENGHANTARAN PROJEK

Projek yang telah lengkap perlu di muatnaik dalam **Sistem Pengurusan Kumpulan Inovatif Kreatif UiTM (SPKIK)** yang boleh dicapai melalui *portalkik.uitm.edu.my*.

Proses Muatnaik:

Penyelaras KIK UiTM adalah bertanggungjawab untuk memuatnaik maklumat berikut dalam SPKIK:

- Mendaftar dan mengemaskini maklumat KIK yang diluluskan pembentukannya oleh Ketua Jabatan masing-masing.

Ketua KIK

- Memuatnaik laporan projek KIK yang telah lengkap sebagai syarat penyertaan KIK ke Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon.
- KIK terpilih perlu mengemaskini laporan projek yang telah ditambah baik sebagai syarat penyertaan KIK ke Konvensyen KIK Peringkat UiTM.

Fasilitator KIK

Perlantikan Fasilitator bukan suatu kemestian dan tidak termasuk bilangan ahli KIK. Fasilitator berperanan:

- Membimbing KIK belandaskan Garis Panduan KIK HB UiTM 4.0
- Melaksanakan projek KIK mengikut yang telah ditetapkan.
- Memastikan kemajuan projek KIK.

12. SYARAT KONVENSYEN

Projek KIK yang terpilih melalui SPKIK, akan disaring oleh pihak InQKA mengikut syarat konvensyen. Pasukan yang berjaya ke peringkat zon perlu memilih konvensyen peringkat zon dalam sistem SPKIK oleh Ketua KIK.

Proses Konvensyen

Saringan – dinilai oleh juri dalaman yang dilantik oleh pihak InQKA

Konvensyen Peringkat Zon – Ketua KIK perlu memilih Zon setelah terpilih selepas saringan.

Pemenang peringkat Zon akan bertanding diperingkat UiTM

CARTA ALIR PROSES PEMBENTUKAN PROJEK KIK

